

TINJAUAN LITERATUR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BALAGHAH ARAB PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

¹Shuhaida Hanim Mohamad Suhane, ²Kaseh Abu Bakar, & ³Md. Nor Abdullah
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: shuhaida@unisza.edu.my, kaseh@ukm.edu.my, monab@ukm.edu.my

Abstrak -Kajian ini merupakan sorotan literatur kajian pengajaran dan pembelajaran Balaghah Arab peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Kajian literatur ini bertujuan untuk: (1)Menghurai pengkajian lepas tentang pengajaran dan pembelajaran Balaghah Arab di Malaysia. (2)Menghurai pengkajian lepas tentang kajian pembinaan ujian dan pengukuran peringkat pengajian tinggi. 3)Menganalisis isu pengukuran dan pengujian Balaghah Arab di Malaysia. Kajian literatur ini dijalankan menggunakan metod kualitatif yang melibatkan pemerolehan data secara analisis kandungan dan analisis dokumen. Antara dokumen yang dianalisis dalam kajian ini terdiri daripada artikel jurnal, tesis, disertasi, buku, kertas kerja dan seminar prosiding. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik melalui tiga tema utama. Berdasarkan tinjauan literatur ini, penyelidik mendapati kajian berkaitan dengan penilaian dan pengukuran Balaghah terlalu sedikit dijalankan di Malaysia. Selain itu, kebanyakan kajian berkaitan dengan Pendidikan Balaghah banyak dijalankan di peringkat sekolah menengah berbanding dengan peringkat pengajian tinggi.

Kata kunci : *Pengajaran Pembelajaran Balaghah,Isu Pengukuran, di Peringkat Pengajian Tinggi.*

I. PENDAHULUAN

Balaghah Arab merupakan subjek yang kritikal dalam sub pengajian dan pengajaran Bahasa Arab. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, Balaghah merupakan ilmu struktur bahasa yang ketiga selepas ilmu nahu dan saraf. Ilmu Balaghah juga turut dikenali sebagai ilmu makna, iaitu ilmu untuk memahami makna yang tersirat disebalik pembentukan ayat dan kepelbagaian uslub dan gaya bahasa arab yang pelbagai. Lebih-lebih lagi asas pengasasan ilmu Balaghah yang sebenar ialah berteraskan prinsip penerokaan makna, keindahan bahasa dan ketinggian mukjizat al-Quran melalui pengamatan terhadap kepelbagaian bentuk ayat, struktur, dan lengkok bahasanya yang unik dan berbeza daripada kalam biasa. Kedudukan ilmu Balaghah sebagai ilmu struktur bahasa yang ketiga selepas ilmu nahu dan saraf, boleh dilihat melalui gambar rajah yang di adaptasi daripada Azhar (2008), sebagaimana berikut :



Rajah 1.1 Komponen Ilmu Struktur Bahasa Arab
Sumber: Diadaptasi dari Azhar 2008

Balaghah dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) juga merujuk kepada makna petah dan fasih. Manakala *al-kalam al-baligh* ialah kata yang indah, cantik dan memberi kesan pada hati atau kata yang sesuai dengan kehendak makna penutur dan konteks pendengar. Selain itu, *al-balaghah* juga bermaksud: "Ketepatan ungkapan dengan kehendak makna konteks serta fasih penggunaannya" (al-Hasyimi 1994). Al-Qazwinny menghuraikan tentang *balaghat al-mutakallim* iaitu bakat dan kemampuan membentuk kata-kata yang indah, Manakala *balaghah* dalam percakapan merujuk kepada kata-kata yang terpelihara daripada kesilapan dalam meletakkan makna yang dikehendaki serta membezakan kata-kata yang fasih dengan yang

sebaliknya. Ali al-Jarim dan Mustafa Amin (1977) juga membuat pengertian terhadap ilmu Balaghah iaitu “menyampaikan maksud dengan jelas, menggunakan ungkapan yang betul serta lancar dan memberi kesan yang menarik kepada diri seseorang”. Jelas, kesemua lafaz tadi membawa konotasi makna yang satu iaitu gambaran kata yang mempunyai makna yang cantik, baik dan indah, serta menghiasi gambaran tadi dengan seindah-indah lafaz atau kata, seterusnya memasukkan mesej indah tersebut ke dalam jiwa seseorang pendengar sesuai dengan konteks pendengar tersebut.

II. PERNYATAAN MASALAH

Dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, Balaghah dianggap ilmu yang berbentuk kaedah atau formula untuk memahami keputisan dan ketinggian maksud ayat al-Quran serta keindahan nilai sastera Arab. Badri Najib Zubir 2008, menyatakan bahawa ilmu Balaghah merupakan medium atau instrumen pentafsiran dan penghuraian ayat al-Quran dari sudut menghurai keindahan dan menjelaskan ketinggian makna ayat-ayat tersebut. Hal ini dinyatakan dalam kajiannya tentang implementasi ilmu Balaghah dalam tafsir al-Kassaf oleh az-Zamakhsyari. Ilmu Balaghah ialah ilmu yang diasaskan untuk membimbing pelajar memahami maksud dan meneroka makna tersirat di sebalik ayat al-Quran yang mengandungi mukjizat melalui keputisan bahasanya yang tinggi, indah dan mengagumkan penutur jati. Konsep pengajaran Balaghah juga turut dinyatakan oleh beberapa sarjana seperti kajian Abdullah Tahmim (1999), Abdul Hakim (2003), Azhar Muhammad (2006). Konsep pengajaran yang sepatutnya dijalankan ialah mengemukakan kaedah atau cara pembinaan ayat-ayat balaghiah, tanpa mengabaikan aspek aplikasi kaedah dan analisis teks, serta cenderung untuk menjiwai keputisan sesebuah teks dan meneroka keindahan bahasa yang terkandung nilai sastera dan estetika yang tinggi. Azhar Muhammad (2008) telah mengemukakan beberapa pendekatan dan kaedah pengajaran Balaghah berdasarkan teori dan prinsip penguasaan bahasa. Walaubagaimana pun, keadaan ini tidak berlaku. Berdasarkan sorotan pengkaji terhadap beberapa literatur kajian, pengkaji mendapati proses menganalisis ayat al-Quran atau karya seni yang diajar di dalam kelas bukan berbentuk penerokaan sudut keindahan seni dan mengecapi citarasa seni, namun proses pengajaran yang berlaku dalam bentuk mengajar kandungan dan terjemahan ayat al-Quran semata-mata tanpa menjelaskan sudut keindahan bahasa dan kecantikan seni susunan ayat yang memberi kesan luar biasa kepada jiwa serta proses penerokaan rahsia disebalik susunan tersebut juga tidak berlaku. Inilah yang dinyatakan oleh para sarjana Pendidikan Balaghah bahawa matlamat dan metod pengajaran Balaghah yang sedikit lari dari konsep asal penerokaan seni dan pemupukan citarasa seni dan sastera Arab. (Fathi Farid 1983, Abdul Rahim 1999, Azhar Muhammad 2006, Abdul Hakim etl 2016, Shuhaida etl 2017).

III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian literatur dengan rekabentuk kajian berbentuk kualitatif yang melibatkan proses analisis kandungan serta dokumen yang berkaitan dengan topik yang akan dikaji. Menurut Chua Yan Piau (2011) tinjauan literatur boleh didefinisikan sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data, dan kaedah memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Tujuan utama kajian literatur dilakukan ialah untuk meletakkan kajian yang akan dijalankan pada perspektif saintifik, selain memberi maklumat dari sumber yang sah berkaitan topik dan konstruk penyelidikan. Nor Aishah Buang (2010) telah merumuskan bahawa penulisan tinjauan literatur perlu mengandungi 3 perkara asas iaitu pengenalan, kandungan, dan penutup. Kaedah penulisan literatur pula terdapat 2 jenis model iaitu *thematic review* dan *study by study review*. Selain itu, Nor Aishah turut menyenaraikan ciri sorotan literatur yang baik ialah dengan membuat ringkasan penyelidikan yang lepas dengan melakukan penilaian yang kritikal dan evaluatif, kajian literatur perlu meliputi skop yang luas, menyeluruh dan mendalam, penulisan ayat perlu jelas dan tepat dan menggambarkan pendirian yang tegas serta konsisten. Antara ciri-ciri tinjauan literatur yang lemah pula ialah literatur hanya ditulis secara deskriptif tentang setiap rujukan, penulisan lebih kepada pengumpul sebanyak maklumat yang mungkin tanpa analisis yang kritikal, skop tinjauan yang tidak menyeluruh, kandungan isi yang tidak jelas dan nyata, selain diterangkan secara panjang lebar, cara penyampaian maklumat yang tidak konsisten dan terlampau banyak rujukan daripada bahan sekunder.

IV. HASIL KAJIAN

Terdapat Kaedah analisis data yang dilakukan oleh pengkaji dalam literatur kajian ini ialah analisis secara deskriptif mengikut tema yang telah ditentukan dalam pengkajian pengajaran dan pembelajaran Balaghah Arab serta kajian pembinaan ujian dan pelaksanaan pengukuran Balaghah peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Dalam artikel ini, pengkaji telah membuat analisis kajian literatur yang telah dijalankan dan menghurai literatur kajian tersebut secara naratif mengikut tema yang telah disusun dan dinyatakan di atas, di samping mengemukakan lampiran jadual agar rujukan utama yang digunakan nampak jelas terpampang dalam jadual tersebut. Antara tema yang telah disusun untuk dianalisis secara deskriptif adalah seperti berikut iaitu:

A. Pengajaran Dan Pembelajaran Balaghah Di Malaysia

Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia telah melalui beberapa tahap dan proses perkembangan bermula dari tahap pendidikan sekolah menengah sehingga pendidikan peringkat pengajian tinggi di IPT seperti diploma, sarjana muda, sarjana dan peringkat kedoktoran, bermula dengan pendidikan yang terawal diperkenalkan di Malaysia iaitu pendidikan pondok, pengasasan sistem madrasah pada awal kurun ke-20, sehinggalah terlaksananya pendidikan sekolah yang kita lihat pada hari ini. Menurut Abdul Hakim (2008), pendidikan Balaghah telah bermula sejak bermulanya pendidikan Islam di pondok-pondok serta disentuh secara tak langsung dalam matapelajaran tafsir dan hadith yang memerlukan kupasan dan huraian dari sudut keindahan balaghah ayat al-Quran atau hadith. Dalam analisis Abdul Hakim (2003) telah dinyatakan secara jelasnya bahawa pendidikan Balaghah Arab di Malaysia bermula secara langsung semasa penubuhan sistem madrasah di Malaysia, yang mana ia mula diperkenalkan sebagai matapelajaran rasmi dalam kurikulum penubuhan madrasah-madrasah tersebut. Antara madrasah yang terawal ditubuhkan di Malaysia ialah Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang yang ditubuhkan pada tahun 1914, manakala Madrasah al-Saadiyah al-Salihiyah ditubuhkan pada tahun yang sama di Perak. Yang ketiga, Madrasah al-Muhammadiyah di Kota Bharu ditubuhkan pada tahun 1917, dan yang keempat Maktab Mahmud di Kedah ditubuhkan pada tahun 1937. Keempat-empat madrasah ini merupakan pelopor kepada bermulanya pendidikan Balaghah terawal di Malaysia, dan mula diperkenalkan sebagai sebuah matapelajaran yang berasingan dengan subjek agama Islam dan bahasa Arab yang lain.

Di Tanah Arab pula, pengasasan ilmu Balaghah Arab telah bermula secara tidak langsung pada zaman sebelum Abdul Qahir al-Jurjani (471H), sejak bermulanya zaman pengkajian mukjizat al-Quran. Antara mukjizat yang paling menonjol pada zaman itu adalah *al-i'jaz al-bayani* atau dikenali sebagai mukjizat keindahan balaghah al-Quran. Manakala selepas bermulanya zaman Abdul Qahir al-Jurjani maka bermulalah pengasasan ilmu Balaghah sebagai satu disiplin ilmu yang terasing untuk mengkaji dan meneroka keindahan balaghah dan mukjizat al-Quran dari sudut kepuitisan bahasa. (Shuhaida, 2010). Abdul Qahir telah mula menghimpunkan semua pengkajian pakar-pakar bahasa dan balaghah Arab sebelumnya serta membuat huraian dan analisis secara kritikal terhadap pengkajian-pengkajian sebelumnya sehingga beliau mula dikenali sebagai pengasas ilmu Balaghah serta pengasas ilmu *al-I'jaz al-Bayani* dalam al-Quran. Melalui pengkajian dan analisisnya yang sangat kritikal, Abdul Qahir mula mengeluarkan dapatan baru kajian yang tidak ada dalam kajian-kajian sebelum ini. (Nasreldin 2002, Nadwah, Badri Najib 2002). Bahkan pengkajian Abdul Qahir pada zaman itu dianggap sangat cemerlang, comprehensif serta dikatakan tidak ditemui pakar atau pengkaji lain pada zamannya, zaman sebelumnya dan zaman selepasnya yang melakukan proses inovasi, analisis kritikal dan pembacaan yang sangat baik dan kritis sebagaimana yang telah dilakukan oleh Abdul Qahir al-Jurjani (Nasreldin 2002). Walaubagaimanapun, pengkajiannya masih lagi berkesinambungan daripada pengkaji-pengkaji hebat sebelumnya iaitu Ibnu al-Muqaffa', al-Farra', Abu Ubaidah al-Muthniy, al-Jahiz, Ibnu Qutaibah, al-Mubarrid, al-Rumaniy, al-Khattabiy, al-Askariy, al-Baqillani, Qadhi Abdul Jabbar dan lain-lain lagi (Shuhaida etl 2015).

Bermula dengan pengkajian mukjizat al-Quran sehinggalah pengasasan satu disiplin ilmu yang dinamakan Balaghah al-Quran, maka ilmu Balaghah telah melalui zaman perkembangan dan liku-liku perjalanan yang agak panjang sejak hampir seribu tahun yang lalu. Maka proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah Arab, merupakan proses yang telah menempuhi tahap kematangan dan ketamadunan ilmu yang tinggi sehingga sekarang, memandangkan peranannya yang sangat besar, bukan sahaja dalam konteks bahasa dan dunia Islam, bahkan peranannya yang cukup penting dalam posisi mempertahankan bahasa al-Quran sebagai kalamullah yang mukjiz. Allah telah menjanjikan bahawa Dia tetap akan menjaga al-Quran sehingga Hari Qiamat, dalam firmannya :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Bermaksud : Kamilah yang menurunkan al-Quran dan kami tetap akan menjaganya.

Sebagaimana janji Allah untuk tetap menjaga al-Quran begitulah Allah tetap akan menjaga bahasa al-Quran. Bahasa yang tidak akan terpisah dari Kalamullah, dan akan sentiasa ada musuh-musuh Islam yang berusaha untuk merosakkan kesuciannya, mencemari keindahannya, maka pada masa yang sama, akan ada ulama' dan sarjana Islam yang tetap teguh mempertahankannya serta menjaga kelestarian bahasanya dan kembali mengharmonikan keindahan linguistiknya yang cuba dicemari oleh golongan orientalis, musuh Islam yang mempelajari bahasa Arab dengan tujuan untuk merosakkannya. Dari sudut skop pengajaran dan pembelajaran Balaghah Arab pula, penyelidik mendapati pengkajian yang dilakukan dalam skop pendidikan Balaghah tidak sepopuler kajian yang dilakukan dari aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lain seperti aspek nahu (sintaksis arab) , saraf (marfologi arab), aspek literasi berbahasa yang empat iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Melalui keempat aspek kajian ini, skop pengkajian pengajaran dan pembelajaran Balaghah Arab yang dijalankan di Malaysia dan dapat dilihat melalui jadual di halaman sebelah tersebut :

Jadual 2.1 Ringkasan Literatur Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah di Malaysia

Kajian	Sampel Kajian	Reka bentuk Kajian	Instrumen Kajian	Dapatan Kajian	Tema
Abdul Hakim Abdullah (2008)	Guru dan pelajar STPM, di SMKA.	Gabungan (kualitatif dan kuantitatif)	Analisis dokumen, soal selidik guru dan pelajar.	Objekti Pengajaran Balaghah masih dinyatakan secara umum dan tidak jelas, manakala aspek penilaian masih tidak menyeluruh, hanya menekankan aspek pengetahuan, pemahaman dan analisis, mengabaikan aspek aplikasi.	Pernyataan Objektif, Kandungan Silibus Pengajaran dan Penilaian
Azhar Muhammad (2006)	796 Pelajar STAM, tingkatan 6B di SMKA.	Gabungan (kualitatif dan kuantitatif)	Analisis dokumen, soal selidik, ujian pencapaian Balaghah.	Penguasaan pelajar dalam Balaghah hanya dari aspek pengetahuan dan pemahaman, manakala dari aspek pembentukan struktur ayat masih lemah, hasil kegagalan mengaplikasi ilmu Balaghah.	Pembelajaran Dan Penguasaan Pelajar
Azhar Muhammad etl (2006)	320 orang pelajar SPM, SMA Negeri Johor	Kuantitatif	Soal selidik	Minat dan kesediaan pelajar terhadap pembelajaran Balaghah mendapat respons dan reaksi positif dari pelajar.	Minat dan kesediaan belajar
Raja Hazirah Raja Sulaiman (2012)	200 pelajar IPT	Kuantitatif	Soal selidik, ujian pencapaian Balaghah.	Pelajar berminat mempelajari ilmu Balaghah, motivasi pelajar untuk mempelajari ilmu ini adalah tinggi, namun tahap penguasaan mereka berada di tahap yang rendah dan sederhana.	Motivasi dan Penguasaan Pelajar
Zulazhan Ab Halim (2012)	443 pelajar STAM di SMKA	Kuantitatif dan kualitatif	Ujian Kloz dan analisis linguistik teks	Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebolehbacaan buku teks Balaghah sekolah menengah tidak sepadan dengan tahap kebolehan membaca pelajar.	Kobolehbacaan buku teks Balaghah (silibus)
					Bersambung...

Sambungan...

Anuar Sopian et al. (2013)	30 pelajar SPM, dari SMKA dan SABK.	Kuantitatif	Soal selidik (kajian rintis)	Persepsi pelajar di peringkat sekolah menengah terhadap ilmu Balaghah adalah masih negatif, mereka masih kurang berminat, kurang kesedaran terhadap kepentingan dan matlamat pembelajaran ilmu ini, serta menghadapi masalah untuk menguasai ilmu ini.	Persepsi dan penguasaan peajar
Zulazhan Abdul Halim et al. (2013)	Pelajar IPT pantai timur Malaysia	Kuantitatif	Ujian Kloz	Kebolehbacaan buku al-Balaghah al-Wadiah berada pada tahap kecewa. Kebolehfahaman pelajar terhadap buku yang dikaji berada pada tahap yang membimbangkan.	Kebolehbacaan buku teks
Anuar Sopian (2015)	246 pelajar SMKA dan SABK	Kualitatif dan kuantitatif	Soal selidik, ujian, temubual dan analisis dokumen	Minat dan penguasaan Balaghah pelajar peringkat sekolah menengah berada pada tahap sederhana, manakala dari aspek penilaian pelajar mengalami masalah untuk menjawab soalan yang berbentuk pemupukan citarasa dan lebih gemar menjawab soalan berbentuk hafazan.	Minat dan penguasaan dan aspek penilaian
Shuhaida Hanim et al. (2016)	Pensyarah Balaghah IPTA di Malaysia.	Kualitatif	Pemerhatian pengajaran dan temubual berstruktur	Pensyarah universiti dilihat lebih kreatif menggunakan teknik dan strategi pengajaran yang berkesan untuk menarik minat pelajar, walaupun masih terdapat <i>trend</i> pengajaran berpusatkan guru, serta tidak menggalakkan penglibatan pelajar dan komunikasi 2 hala.	Strategi Pengajaran
Mohd Rofian et al. (2017)	236 pelajar sarjana muda Bahasa Arab di IPTA	Kuantitatif	Soal selidik	Kelima-lima item dalam domain ciri-ciri modul yang diperlukan dalam pembelajaran Balaghah pelajar berada pada tahap tinggi.	Pembinaan Modul dan silibus Balaghah

Sumber: Pengkaji 2020

Jadual tersebut menyorot beberapa kajian tentang pengajaran dan pembelajaran Balaghah di Malaysia. Antaranya ialah kajian Abdul Hakim (2003) yang dilakukan kepada pelajar peringkat STPM sekolah menengah bertujuan untuk mengenalpasti dan menilai aspek-aspek tertentu dalam pendidikan Balaghah peringkat STPM yang merangkumi aspek penentuan objektif pengajaran Balaghah, kandungan silibus pengajaran Balaghah, bentuk penilaian Balaghah, selain bertujuan untuk meninjau permasalahan yang dihadapi oleh guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Metodologi yang digunakan untuk memperolehi data ialah melalui gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data diperolehi melalui cara analisis dokumen dan kandungan, pemerhatian pengajaran dan soal selidik pelajar dan guru. Dapatan kajian tersebut mendapati penentuan objektif pengajaran Balaghah masih tidak jelas dan dinyatakan secara umum dan sukar untuk diukur. Manakala dari sudut penilaian Balaghah pula, proses penilaian dilakukan masih tidak menyeluruh. Penilaian hanya mengukur domain kognitif yang menekankan aras pengetahuan, pemahaman dan analisis, serta mengabaikan aspek aplikasi Balaghah. Kajian Azhar Muhammad (2006) pula menjurus kepada pelajar sekolah menengah yang mengambil peperiksaan STAM. Azhar telah memfokuskan sudut pembelajaran dan penguasaan pelajar selain mengkaji minat dan persepsi pelajar untuk menguasai ilmu Balaghah. Azhar turut menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu dengan memperolehi data melalui proses analisis dokumen, soal selidik ke atas 320 orang pelajar dan mengadakan ujian pencapaian Balaghah kepada pelajar-pelajar tersebut untuk melihat tahap penguasaan Balaghah mereka. Dapatan kajian merumuskan penguasaan pelajar dalam Balaghah hanya dari aspek pengetahuan dan pemahaman, manakala dari aspek pembentukan struktur ayat masih lemah, hasil kegagalan mengaplikasi ilmu Balaghah. Manakala minat dan kesediaan pelajar terhadap pembelajaran Balaghah mendapat respons dan reaksi positif dari pelajar. Dalam kajian Azhar juga, didapati bahawa pelajar mempunyai minat dan kesedaran yang tinggi untuk mempelajari ilmu Balaghah, namun mereka tidak dapat memahami beberapa kaedah dan tajuk Balaghah serta tidak memahami konsep pengajaran Balaghah yang diberikan oleh guru. Pelajar akan merasakan pembelajaran balaghah tidak memberi banyak faedah dalam proses penguasaan bahasa arab. Pada peringkat sekolah menengah, pelajar masih tidak mampu memahami tujuan sebenar, matlamat dan kepentingan mempelajari ilmu ini. Kamarul Sukri (2009) turut menjelaskan bahawa isu kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab adalah isu yang sentiasa diperdebatkan. Kelemahan ini menyebabkan mereka gagal mengikuti kursus bahasa Arab di peringkat universiti dengan baik.

Menurut Rosni Samah (2012), dalam kajiannya tentang tahap pembinaan ayat bahasa Arab pelajar lepasan sekolah menengah pelajar, bahawa tahap pembinaan ayat pelajar adalah lemah, manakala proses menyambung ayat berada pada tahap sederhana. Beberapa kajian lain turut membuktikan bahawa pelajar lepasan menengah masih lemah dalam pembinaan ayat-ayat mengikut struktur bahasa yang betul, apatah lagi menulis ayat-ayat gramatis mengikut gaya bahasa dan lenggok bahasa arab yang puitis. (Abdul Hakim 2008) (Azhar 2006) (Hassan Basri 1996) (Zainol Abidin 2003) (Che Radiah 2006) Menurut Naimah dan Aini (2005) walaupun pelajar-pelajar bahasa ketiga menerima pembelajaran secara formal pada peringkat sekolah, namun mereka masih lagi menghadapi masalah untuk mengaplikasi ilmu bahasa arab yang dipelajari. Ab Halim (2007) pula menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik dan sepatutnya. Faktor kelemahan penguasaan ini turut dihurai oleh Rosni Samah 2006 iaitu proses pengajaran dan pembelajaran yang terlalu berorientasikan kepada hafalan contoh dan kaedah semata-mata, serta kurang memberi penekanan kepada aspek aplikasi.

Kajian seterusnya pula dilakukan oleh Raja Hazirah (2012). Kajian ini dilakukan ke atas pelajar peringkat IPT. Kaedah kajian berbentuk kuantitatif dengan cara pemerolehan data secara soal selidik dan mengadakan ujian pencapaian Balaghah. Kajian dilakukan untuk melihat persepsi, minat dan motivasi pelajar terhadap ilmu Balaghah serta mengukur tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran Balaghah. Dapatan kajian mendapati pelajar berminat mempelajari ilmu Balaghah, motivasi mereka untuk mempelajari ilmu ini adalah tinggi, namun tahap penguasaan mereka berada di tahap yang rendah dan sederhana. Selain itu, Raja Hazirah turut mengulas tentang pelajar IPT masih belum dapat menguasai ilmu ini dengan sebaik-baiknya, walaupun mereka telah mencapai pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan. Raja Hazirah telah melaksanakan Ujian penguasaan Balaghah (UPB) untuk melihat sejauh mana pengetahuan dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran Balaghah. Berdasarkan aspek penganalisan kajian ini, Raja Hazirah mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar universiti terhadap ilmu ini berada pada tahap yang membimbangkan. Walaupun telah didedahkan dengan ilmu ini pada peringkat menengah lagi, namun mereka masih gagal menguasai dan memahami matlamat pembelajaran ilmu ini. Kemahiran mereka juga tidak berkembang selaras dengan tahap mereka di peringkat IPT. Keindahan cita rasa dan sastera arab juga tidak mampu dirasai. Pelajar juga didapati lemah dalam aspek aplikasi dan tidak cenderung menggunakan ungkapan-ungkapan yang mengandungi nilai seni dan estetika yang tinggi, dalam penulisan dan pertuturan mereka. (Raja Hazirah 2012). Kajian Anuar Sopian (2015) pula dijalankan ke atas 246 pelajar SMKA dan SABK untuk mengkaji minat dan penguasaan dan menilai aspek penilaian Balaghah di peringkat SMKA. Kaedah kajian yang dijalankan dengan menggabungkan metod kuantitatif dan kualitatif yang melibatkan kaedah pemerolehan data melalui soal selidik, ujian, temubual dan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati minat dan penguasaan Balaghah pelajar peringkat sekolah menengah berada pada tahap

sederhana, manakala dari aspek penilaian pelajar mengalami masalah untuk menjawab soalan yang berbentuk pemupukan citarasa dan lebih gemar menjawab soalan berbentuk hafazan.

B. Pembinaan Ujian Dan Pelaksanaan Pengujian Balaghah Peringkat Pengajian Tinggi

Pengujian dan pengukuran merupakan dua konsep penting yang tidak dapat dipisahkan dalam dunia pendidikan. Siti Rahayah Ariffin (2003) mendefinisikan pengujian sebagai proses pengukuran pencapaian penguasaan pelajar dalam suatu disiplin dalam kelas dengan menggunakan ujian. Menurut Azizi Ahmad etl (2008), pengujian mempunyai makna yang lebih khusus dan skop yang lebih kecil berbanding pengukuran iaitu proses penyerahan set soalan yang berpiawai dan perlu dijawab atau satu set instrumen atau prosedur yang bersistem bagi mengukur sampel tingkah laku atau perubahan sesorang individu atau murid. Mohd Najib Abd Ghafar (2011) pula mentakrifkan ujian adalah alat atau prosedur yang sistematik yang digunakan untuk mengukur sesuatu sampel tingkah laku, selain menentukan prestasi pelajar dalam sesuatu bidang. Mohamad Sahari Nordin (2002) telah mengklasifikasikan ujian kepada beberapa jenis mengikut tujuan ujian diadakan dan mengikut cara keputusan ujian ditafsirkan. Jenis-jenis ujian mengikut tujuan ujian diadakan terbahagi kepada iaitu ujian pencapaian dan ujian aptitude. Manakala jenis ujian mengikut cara keputusan ujian ditafsirkan terbahagi kepada ujian rujukan norma dan rujukan kriteria. Siti Rahayah Ariffin (2003) telah menghuraikan fungsi pengujian adalah untuk beberapa tujuan iaitu *integrative* dan *differentiative*. Tujuan *integrative* digunakan untuk pengembangan dan pembaikan kurikulum, kemahiran berfikir, kebolehan umum, sikap dan nilai. Manakala bagi tujuan *differentiative* digunakan untuk membahagikan pelajar kepada profesion, kemahiran dan kelas yang berbeza. Ini bermakna, melalui pelaksanaan ujian, guru dapat melakukan penambahbaikan kurikulum dan menyusun semula strategi pengajaran untuk penambahbaikan aktiviti pengajaran.

Siti Rahayah Ariffin (2008) semasa menggariskan matlamat pengujian iaitu untuk menghasilkan bukti yang boleh digunakan untuk membuat penilaian (diagnos) terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, turut membuat gambaran perkaitan antara pengujian, pengukuran dan penilaian. Perkaitan ini beliau telah terjemahkan melalui gambarajah berikut :



Rajah 1.2 Perbezaan penilaian, pengukuran dan pengujian
Sumber: Siti Rahayah Ariffin (2008)

Berdasarkan Rajah 1.2, Siti Rahayah telah menghuraikan bahawa pengukuran menyediakan alatan untuk mengukur keupayaan pelajar mengikut prinsip-prinsip tertentu. Pengujian pula merupakan cara atau prosedur yang digunakan secara bertulis. Kedua-dua kaedah ini amat penting dan saling berkait rapat antara satu sama lain iaitu untuk menilai kejayaan pelajar. Secara kesimpulannya, pengujian merupakan satu proses yang berlaku dalam pengukuran. Ujian adalah alat atau instrumen yang digunakan untuk pengujian. Dari satu aspek, pengukuran ini boleh digambarkan melalui gambarajah berikut :



Rajah 1.3 Gambaran pengujian sebagaimana alat pengukuran
Sumber : Pengkaji 2020

Dalam aspek pengajaran Balaghah, para sarjana menekankan usaha pembinaan tahap *tazawwuq adabi* iaitu citarasa seni dan sastra Arab dalam diri pelajar yang mempelajari ilmu Balaghah. Manakala dalam skop pengujian dan pengukuran Balaghah, para sarjana menyetengahkan aspek pengujian dan pengukuran tahap *tazawwuq adabi* pelajar. Tahap ini perlu diukur dan dinilai dari masa ke semasa, sama ada melalui cara pengukuran berorientasikan domain kognitif aras taksonomi Bloom seperti mengingat pelajar, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, atau pengukuran berasaskan teori atau sumber lain. Menurut Siti Rahayah Ariffin (2003), proses pengujian ini penting kerana proses ini merupakan cara yang sistematik untuk mengukur sebahagian tingkah laku seseorang individu, selain berfungsi sebagai alat pengukuran yang bertujuan mendapatkan maklumat tentang pencapaian pelajar dari pelbagai sudut iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Dalam pengujian Balaghah, ujian digunakan sebagai alat untuk memudahkan guru menyusun dan mengatur strategi pengajaran yang terbaik dalam pendidikan Balaghah pelajar, selain digunakan untuk mengukur pencapaian atau penguasaan Balaghah pelajar. Proses pengujian dan pengukuran merupakan sebahagian daripada proses pendidikan. Apabila berlaku proses pendidikan secara formal, maka akan berlaku proses pengujian, pengukuran dan penilaian. Ketiga-tiga istilah tersebut mempunyai makna dan skop definisi yang tersendiri. Proses pengujian yang dijalankan ke atas pelajar, sebenarnya merupakan proses pengukuran dan penilaian untuk mengukur tahap penguasaan dan kelemahan pelajar serta proses untuk menilai pengajaran seterusnya menentukan strategi pengajaran manakah yang sepatutnya diambil oleh pensyarah, bagi menjayakan proses pendidikan serta mencapai matlamat pendidikan yang diharapkan. Apabila proses pengukuran telah berlaku, maka proses guru pula menilai tahap penguasaan dan tahap kelemahan pelajar untuk kita taujihkan pengajaran kepada kepada halatuju dan pendekatan yang sepatutnya, maka proses inilah yang dinamakan proses pengukuran dalam pendidikan. Tujuan utama proses pengujian dilakukan ialah untuk mengukur dan menilai sejauhmana tahap penguasaan pelajar terhadap sesuatu subjek. Antara prinsip pengujian yang dinyatakan oleh H. Douglas Brown (2010), ialah kepraktikalan, kebolehppercayaan, kesahan, keaslian dan *washback* iaitu menggambarkan kandungan pelajaran yang telah diajar. Banchman's (1990) pula menjelaskan bahawa terdapat tujuh komponen penting dalam pengujian iaitu kebolehppercayaan, kesahan kandungan, kesahan konstruk, keaslian, interaktif, memberi kesan, kepraktikalan. Proses pembinaan ujian pula perlu melalui beberapa proses atau tahap iaitu :

- 1) Proses penentuan objektif
- 2) Proses pemilihan kandungan pelajaran atau kandungan ujian
- 3) Proses pembinaan jadual spesifikasi ujian.
- 4) Proses kesahan pakar
- 5) Proses kesahan secara pengukuran psikometrik
- 6) Proses menguji kebolegunaan.

Antara kajian yang dijalankan dalam pengujian dan pengukuran bahasa Arab di Malaysia ialah kajian Hassan Basri Awang Mat Dahan (2012), kajian Kaseh Abu Bakar (2012). Kajian Kaseh Abu Bakar lebih memfokuskan kepada pembinaan ujian penguasaan Bahasa Arab secara online berasaskan penggunaan teknologi maklumat. Manakala kajian Hassan Basri 2012 pula menekankan aspek pembinaan soalan ujian yang bersesuaian dengan tahap dan iklim pelajar dari negara yang berbeza.

C. Analisis Isu Pengajaran Dan Pengujian Balaghah

Dalam aspek pengajaran Balaghah, para sarjana sering menekankan usaha pembinaan tahap *tazawwuq adabi* dalam diri pelajar yang mempelajari ilmu Balaghah. Manakala dalam skop pengujian dan pengukuran Balaghah, para sarjana sering memberikan kritikan dan menyetengahkan aspek pengujian dan pengukuran tahap *tazawwuq adabi* pelajar. Tahap ini perlu diukur dan dinilai dari masa ke semasa sama ada melalui cara pengukuran berorientasikan domain kognitif aras taksonomi Bloom seperti mengingat pelajar, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, atau pengukuran berasaskan teori atau sumber lain. Proses pengukuran dan pengujian ini penting, untuk memudahkan guru mengenalpasti potensi dan sudut kelemahan pelajar yang perlu diperbaiki. Antara kritikan-kritikan yang berlaku dalam pengujian dan pengukuran Balaghah ialah isu penentuan matlamat dan objektif yang tidak jelas dalam pendidikan Balaghah, isu kesukaran mengukur tahap *tazawwuq adabi* pelajar (citarasa sastra Arab), isu ujian Balaghah tidak mengikut spesifikasi pakar, isu pengajaran berorientasikan peperiksaan, dan isu keaburan maksud aplikasi dalam objektif pengajaran balaghah. Apabila isu-isu dalam pengujian dan pengukuran Balaghah ini dapat ditangani dengan baik, maka pengajaran dan pengujian Balaghah akan mencapai matlamat dan objektif pengajaran.

D. Isu Penentuan Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah

Pada pengamatan penyelidikan, antara isu utama yang berlaku dalam skop pendidikan Balaghah Arab di Malaysia serta perlu diberi perhatian segera dan sewajarnya ialah isu penentuan objektif yang tidak jelas dalam pengajaran Balaghah (al-Tanukhi 1948, Muhamad Saleh 1975, Fathi Farid 1983, Ali Ahmad Madkur 1991, Abdul Hakim 2008, Abdul Hakim & Idris Abdullah 2016). Penentuan objektif yang sedia ada masih kabur, tidak jelas, tidak berfokus, tidak boleh

diukur, tidak tersusun dan kurang bermakna. Dalam prinsip pengukuran pendidikan, objektif pengajaran mesti jelas dan boleh diukur. Abdul Hakim menyarankan agar perletakan objektif perlu jelas, bukan hanya menumpukan aspek kognitif bahkan mengambil kira aspek aplikasi iaitu pelajar boleh menggunakannya dalam situasi yang sebenar. Penentuan objektif atau matlamat pengajaran merupakan perkara yang sangat penting dalam pendidikan. Matlamat atau objektif pengajaran perlu dinyatakan dengan jelas apabila seseorang guru atau tenaga pengajar ingin melaksanakan proses pengajaran. Hal ini dilihat penting oleh penyelidik, berasaskan prinsip yang dinyatakan oleh Islam bahawa setiap perkara perlu dimulai dengan niat. Dalam sebuah hadis, nabi s.a.w menyebut *إنما الأعمال بالنيات*, yang bermaksud setiap perkara perlu dimulai dengan niat. Niat bermaksud objektif sebelum melakukan sesuatu perkara atau tindakan. Niat adalah perkara pertama yang perlu dinyatakan dan dijelaskan dalam hati dan fikiran sebelum melakukan atau memulakan sesuatu. Begitu juga objektif, objektif adalah perkara pertama yang perlu dijelaskan ke dalam fikiran sebelum melakukan sesuatu. Objektif yang jelas sebenarnya memberi kesan yang sangat besar ke dalam diri seseorang individu. Objektif yang jelas juga memberi pengaruh yang luar biasa terhadap sesuatu tindakan, amalan dan gaya hidup seseorang individu. Dalam dunia pendidikan, perletakan objektif pengajaran merupakan perkara pertama yang perlu dilakukan sebelum memulakan sesuatu pengajaran. Seorang pendidik bukan hanya perlu memahami matlamat dan objektif pengajaran, bahkan perlu menjelaskan objektif tersebut kepada pelajar (Nunan 1989), mengenalpasti tahap penguasaan pelajar dan aspek apa yang ingin difokus untuk tahap tersebut. Apabila matlamat dan objektif telah jelas dalam fikiran seorang guru, maka proses pengajaran akan berlaku dengan baik dan jayanya serta tidak timbul isu pengajaran terseleweng dari kaedah yang sepatutnya, terpesong matlamat dan lari daripada konsep asal pengajaran sesuatu matapelajaran. Begitu juga situasi yang berlaku dalam konteks pengajaran balaghah, sekiranya seorang guru atau pensyarah telah jelas matlamat atau objektif pengajaran balaghah yang ingin dicapai, maka isu kaedah pengajaran balaghah terseleweng daripada konsep asal pemupukan citarasa sastera arab dapat ditangani dengan baik, serta isu kaedah pengujian balaghah yang tidak menguji perkara yang sepatutnya diuji juga akan dapat diatasi. Sekiranya seorang guru telah jelas objektif pengajarannya, maka ujian yang dijalankan akan berlaku secara lebih baik dan sistematik, mencapai matlamat yang diharapkan, mengukur tahap yang sepatutnya diukur, dan menguji perkara yang sepatutnya diuji.

Kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap matapelajaran Balaghah masih negatif, kebanyakan pelajar masih tidak memahami tujuan mereka mempelajari ilmu ini, mereka masih tidak berminat dan tidak mengetahui kepentingan mempelajari matapelajaran ini (Rosni Samah etl 2005, Abdul Hakim 2008, Anuar Sopian etl 2013). Oleh itu, Abdul Hakim (2016) menyarankan agar matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran Balaghah ini benar-benar dijelaskan kepada pelajar, agar mereka memahami tujuan mempelajari ilmu Balaghah. Sekiranya seorang pelajar jelas terhadap matlamat mereka mempelajari ilmu balaghah, maka pelajar akan menanam minat untuk menguasai ilmu ini dan menemui jalan atau cara untuk menguasai ilmu ini. Kebanyakan pelajar merungut tidak memahami istilah-istilah rumit yang mereka pelajari dalam matapelajaran balaghah serta tidak tahu bagaimana untuk mengaplikasi ilmu dan kaedah yang dipelajari dalam ilmu balaghah. (Azhar Mohamad 2006, Raja Hazirah 2012, Anuar Sopian 2013). Kesemua masalah ini berlaku disebabkan kekaburan dan ketidakjelasan matlamat dan objektif pengajaran Balaghah yang sepatutnya. Penyelidik berpandangan bahawa isu perletakan objektif yang tidak jelas ini menyebabkan berlakunya masalah lain dan isu yang tidak selesai dalam pendidikan Balaghah seperti pelajar tidak dapat menguasai sepenuhnya matapelajaran Balaghah, kaedah pengajaran guru yang terlalu jumud dan mengabaikan aspek pemupukan citarasa arab serta masalah ujian Balaghah tidak mengukur aspek yang sepatutnya diukur. Oleh itu, penyelidik menyarankan agar objektif pengajaran Bahasa Arab dijelaskan secara khusus, boleh dilihat dan diukur sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdul Hakim 2003, Richards, Platt and Platt 1992). Apabila matlamat atau objektif pengajaran balaghah telah dinyatakan dengan jelas dan tersusun, maka isu-isu utama dalam pengajaran dan pembelajaran balaghah mampu ditangani dengan baik dan diambil tindakan yang sewajarnya dari pihak yang berwajib dan bertanggungjawab.

E. Isu Ujian Balaghah Yang Menepati Spesifikasi Pakar

Isu seterusnya yang berlaku dalam pendidikan Balaghah Arab ialah isu pembinaan soalan ujian Balaghah yang tidak mengikut spesifikasi pakar serta metod pengujian tidak mengikut prinsip pengujian dan pengukuran yang dinyatakan oleh pakar (Abd Rahman Hashimi etl 2005, AH Abdullah etl 2016). Maka ujian Balaghah tidak menjadi alat atau medium untuk mengukur tahap perkembangan pelajar serta mengembangkan potensi mereka. Ujian atau peperiksaan yang dijalankan hanya semata-mata untuk menghukum bukan untuk mengukur atau mengembangkan potensi pelajar. Sedangkan ujian atau latihan yang diadakan di dalam kelas sepatutnya bertujuan untuk menilai dan mengukur tahap perkembangan dan kelemahan pelajar dalam sesuatu matapelajaran. Dalam hal ini, Hassan Shahatah 1993 menyatakan bahawa ujian atau latihan yang diadakan di dalam kelas hanya membantu pelajar menjawab soalan peperiksaan, tidak membantu membentuk keupayaan berbahasa serta tidak membantu mengembangkan citarasa seni dan sastera Arab dalam diri mereka. Kajian Abd Rahman Hashimi etl 2005 pula menunjukkan bahawa kebanyakan guru bersetuju bahawa ujian yang dijalankan tidak mengukur tahap kemampuan berbalaghah pelajar. Sedangkan melalui ujian, guru sepatutnya boleh menilai tahap perkembangan balaghah pelajar dan mengesan sudut kelemahan lalu mengambil

tindakan menggunakan strategi yang bersesuaian seperti memperbanyakkan latihan pada aspek yang pelajar tidak mampu kuasai, mengadakan latihan tubi dan sebagainya. Manakala pelajar pula dapat menilai tahap perkembangan mereka serta dapat mengesan sudut kelemahan mereka, lalu mengambil tindakan memperbaiki kelemahan mereka dengan cara memperbanyakkan latihan tubi, bertanya perkara yang tidak faham, mengadakan kumpulan perbincangan dan pelbagai lagi usaha boleh dilakukan untuk meningkatkan penguasaan mereka.

Abdul Rahman Hasyimi etl 2005 turut menyatakan bahawa antara ciri-ciri soalan ujian ialah mesti jelas, berfokus, dan boleh diukur untuk mencapai objektif pengajaran. Abdul Rahman turut menjelaskan bahawa ujian adalah alat atau medium perantaraan, ujian bukan matlamat. Kebanyakan guru dan pelajar menyangka bahawa ujian adalah matlamat akhir dan penentu kepada kejayaan dan kegagalan hidup seseorang manusia, sedangkan ujian sepatutnya menjadi medium untuk pelajar mengasah bakat berbahasa secara puitis kerana kemahiran berbahasa itulah antara tujuan yang utama. Ujian sepatutnya memainkan peranan yang lebih besar untuk mendorong pelajar mempertingkatkan usaha dan kemahirannya dalam pelajaran. Sekiranya ujian benar-benar menjadi alat rujukan untuk menentukan sudut kekuatan dan sudut kelemahan yang perlu diperbaiki, maka pelajar akan berusaha untuk memperbaiki pelajaran dan guru akan berusaha meningkatkan mutu pengajaran. Apabila metod pengujian tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan oleh pakar, maka ujian balaghah yang dijalankan tidak dapat mengukur perkara yang sepatutnya diukur dan tidak menguji perkara yang sepatutnya diuji. Abd Rahman Hashimi etl 2005 turut menghuraikan beberapa masalah yang berlaku dalam pembinaan ujian, iaitu ujian yang dijalankan terlalu mementing penghafalan definisi dan contoh, penghuraian keindahan sastera masih berorientasikan penghafalan, terlalu bergantung kepada satu bentuk soalan iaitu bentuk soalan bertulis, masa yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk menjawab soalan yang berbentuk huraian tentang keindahan seni dan sastera, soalan ujian tidak sesuai dengan tahap pelajar, tahap kesukaran soalan tidak seimbang mengikut piawaian yang sepatutnya.

Abdul Hakim 2016 pula menjelaskan bahawa pengajaran dan penilaian Balaghah hanya tertumpu, kepada tahap pengetahuan, pemahaman, dan analisis. Begitu juga soalan-soalan ujian yang dikemukakan hanya mengukur aras pengetahuan, kefahaman dan analisis pelajar tanpa ada usaha yang jitu untuk mengukur tahap aplikasi dan tahap pembinaan citarasa sastera arab dalam diri pelajar. Aras analisis pula menjadi aras kognitif yang paling dominan dalam pengujian. Namun, bila kajian keberkesanan dijalankan, pelajar masih tidak mampu menganalisis ayat al-Quran dengan baik dan jelas (Anuar Sopian etl 2013, Raja Hazirah 2012). Berdasarkan pemerhatian kajian yang lepas, kebanyakan ujian yang dijalankan dibina berdasarkan trend atau gaya soalan yang lepas, tanpa merujuk kepada prinsip pengukuran dan pengujian yang dinyatakan oleh pakar. Lalu, soalan ujian tidak menjadi alat untuk mengukur potensi pelajar dalam Balaghah secara menyeluruh (Hassan Basri 2012, Abd Rahman Hasyimi etl 2005). Pada penelitian penyelidik, perkara ini berlaku kerana ketidakjelasan prinsip dan metod pengujian dan pengukuran sebenar bagi pengajaran Balaghah, selain masalah kekaburan matlamat dan objektif pengajaran serta silibus pengajaran Balaghah yang tidak ditambahbaik dari masa ke semasa.

F. Isu Kesukaran Mengukur Tahap *Tazawwuq Adabi* Pelajar

Antara isu lain yang dibincangkan dalam pengujian dan pengukuran Balaghah ialah isu kesukaran untuk menentukan tahap perkembangan dan pembinaan *tazawwuq adabi* dalam diri seorang pelajar. Kebanyakan sarjana pendidikan Bahasa Arab menetapkan pembinaan *tazawwuq adabi* sebagai matlamat dan objektif utama pengajaran dan pembelajaran Balaghah. (Falah Soleh 2015, Imran Jasim etl 2013, Ratib Qasim etl 2009, Ali A.Madkur 2010, Mohsen A.Atiyah 2007, Mahmood Kamil etl 2003). Persoalannya, sejauhmanakah guru atau pensyarah mampu menilai dan mengukur tahap *tazawwuq adabi* seorang pelajar? Apakah indikator yang menunjukkan bahawa seseorang pelajar itu telah memahami dan mengecapi keindahan dan keagungan sesebuah ayat al-Quran ataupun telah mengecapi keputisan sesebuah karya sastera. Dalam hal ini, para sarjana berpandangan, guru akan mempunyai masalah dan sedikit kesukaran untuk mengukur tahap perkembangan citarasa seni dan sastera arab serta tahap kemampuan berbalaghah seorang pelajar. Para sarjana sendiri berselisih pendapat untuk menentukan indikator yang paling sesuai untuk mengukur tahap *tazawwuq adabi*. Sejujukan mana seseorang pelajar benar-benar menjwai citarasa seni dan sastera Arab, menjadi perbincangan para sarjana sama ada tahap ini boleh diukur secara *maudhui* atau *wujdaani*. Ali A.Madkur (2010) menyatakan bahawa tiada medium atau indikator yang paling sesuai untuk mengukur *tazawwuq adabi* seseorang pelajar melainkan secara *tazawwuq adabi* juga. *Tazawwuq adabi* ini perlu dimiliki oleh seorang guru atau pensyarah untuk menilai dan mengukur tahap *tazawwuq adabi* pelajarannya. Azhar Muhammad (2006) menjelaskan bahawa, oleh sebab manusia berbeza-beza tahap dari aspek perasaan dan citarasa, maka pembelajaran mengenai hukum seni agak lebih sukar ditentukan hingga memerlukan kepada pembelajaran perbandingan sesuatu hasil seni dengan sesuatu yang lain. Dalam situasi lain, pakar pengukuran berbeza pandangan. Bagi mereka, emosi, perasaan atau citarasa sastera tetap ada indikator yang tersendiri yang boleh diukur dan ditentukan. Bahkan citarasa seni dan kesusasteraan arab ini juga mempunyai alat ukur atau indikator tertentu yang boleh dijadikan panduan untuk mengukur perkembangan citarasa seni dalam diri pelajar. Rusyd Tuaimah dalam kajiannya untuk mencari indikator yang paling sesuai bagi mengukur *tazawwuq adabi*, telah meletakkan beberapa garis panduan untuk mengukur tahap *tazawwuq adabi* ini dalam diri seorang pelajar, antaranya ialah kemampuan seorang pelajar menghurai dan mengeluarkan isi utama dalam sesebuah

karya atau hasil sastra, kemampuan mengeluarkan nilai-nilai keindahan yang terdapat dalam sebuah qasidah, kemampuan pelajar menilai kepuhutan sesebuah karya atau hasil sastra dan sebagainya, dapat membezakan tahap keindahan antara satu sama lain, menunjukkan titik-titik penting yang terkandung dalam karya tersebut dan pelbagai lagi indikator yang menunjukkan tahap pemahaman dan kefahaman sastra yang ada dalam diri seseorang pelajar. Ini merupakan indikator yang digariskan oleh Rusyd Tuaimah dalam kajiannya mengenai tazawwuq adabi yang lebih spesifik dan menjurus kepada matapelajaran sastra Arab tulen. Penyelidik berpandangan, bagi matapelajaran Balaghah khusus, sudah pasti di sana ada indikator tersendiri untuk menentukan tahap tazawwuq adabi pelajar, yang berbeza dengan matapelajaran sastra Arab.

G. Isu Pengajaran Berorientasikan Peperiksaan

Isu ini turut dibincangkan dalam hampir kesemua matapelajaran dan bidang pengajian. Berdasarkan sorotan literatur yang lepas, penyelidik mendapati kebanyakan sarjana mengkritik pengajaran Balaghah yang berorientasikan peperiksaan, yang boleh menyebabkan pelajar kurang menghayati konsep pemupukan citarasa, mengasah kemahiran balaghah dan sebagainya. (Littlewood 1987, Abdul Rahim 1999, Abdul Hakim 2008). Pengajaran yang berorientasikan peperiksaan boleh berlaku disebabkan kekangan masa yang diperuntukkan tidak *telly* dengan silibus atau modul pembelajaran yang perlu diajar. Penyelidik berpandangan, sekiranya metod pengukuran dan pengujian dijalankan dengan cara yang betul, baik dan tersusun, mengikut cara yang dinyatakan oleh pakar, maka isu pengajaran berorientasikan peperiksaan tidak akan timbul, kerana proses pengujian dan peperiksaan sebenarnya menyumbang kepada reaksi yang positif untuk membantu pelajar memperbaiki kelemahan dalam pelajaran. Namun, apabila ujian atau peperiksaan tidak dijadikan medium atau alat untuk memperbaiki potensi pelajar, maka pengajaran berorientasikan peperiksaan akan menimbulkan masalah kepada pelajar, guru, bahkan kepada dunia pendidikan itu sendiri. Selain itu, antara isu lain dalam pengujian Balaghah ialah pelajar masih tidak mampu menguasai ilmu Balaghah walaupun pencapaiannya tinggi dalam peperiksaan. Penyelidik mendapati perkara ini berpunca dari faktor kesilapan pembinaan ujian itu sendiri. Soalan ujian yang dibina dilihat tidak mengukur apa yang sepatutnya diukur dan tidak menguji perkara yang sepatutnya diuji, lalu pelajar tidak mencapai apa yang sepatutnya dicapai. Oleh itu, berlakulah situasi pelajar mendapat pencapaian yang tinggi dan cemerlang dalam peperiksaan, walaubagaimanapun tahap penguasaan mereka berada pada tahap sederhana atau rendah (Raja Hazirah 2012, Anuar Sopian etl 2015). Kajian Abd Rahman Hasyimi etl (2005) menunjukkan kebanyakan guru bersetuju bahawa keputusan peperiksaan pelajar tidak menggambarkan pencapaian mereka di dalam kelas serta tidak membantu mereka mengembangkan keupayaan mempelajari ilmu Balaghah. Bertitik tolak dari sinilah, penyelidik berpandangan proses pembinaan ujian yang baik serta pelaksanaan pengujian Balaghah yang lebih sistematik perlu dilakukan.

Melalui analisis kajian literatur yang dilakukan, menunjukkan bahawa kajian pendidikan Balaghah yang lepas berkisar tentang aspek kurikulum Balaghah di Malaysia, isu dan permasalahan yang dihadapi dalam pengajaran Balaghah, tahap penguasaan Balaghah pelajar, strategi pengajaran Balaghah dan pembinaan modul pengajaran Balaghah. Skop kajian pendidikan Balaghah juga banyak tertumpu di peringkat sekolah menengah, manakala pengkajian di peringkat pengajian tinggi masih kurang diberi perhatian. Seterusnya melalui analisis tentang kajian pembinaan ujian, pengkaji mendapati terdapat beberapa jenis model pembinaan ujian bahasa Arab dalam aspek linguistik arab yang lain, namun pembinaan model ujian ini memfokus aspek Balaghah, iaitu aspek masih belum diberi perhatian sepenuhnya dalam pengkajian pembinaan ujian di Malaysia.

V. PENUTUP

Kesimpulannya, Melalui analisis ini, penyelidik melihat keperluan membangunkan model Ujian Balaghah serta membina Inventori Objektif Pengajaran Balaghah dari semua aspek domain yang dinyatakan oleh Bloom. Proses penetapan objektif pengajaran dan pembelajaran Balaghah peringkat pengajian tinggi perlu digerakkan secara lebih berfokus, teratur dan tersusun, memandangkan di sinilah antara punca masalah dan berlakunya isu-isu yang tidak selesai dalam pendidikan Balaghah Arab di Malaysia. Kesimpulannya, isu yang berlaku dalam pengukuran dan pengujian Balaghah ini perlu diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab. Sekiranya isu ini mendapat tindakan yang sewajarnya, maka isu lain dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah dapat diselesaikan dan mampu ditangani dengan baik oleh pihak bertanggungjawab bermula dari seorang pelajar, guru, penyelidik, pihak sekolah, universiti, kementerian dan semua pihak yang terlibat dengan proses pendidikan Balaghah. Akhir kalam, penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak UKM dan UniSZA yang memberi peluang untuk pengkaji menjalankan kajian peringkat PhD ini.

Rujukan

1. Al-Quran al-Karim.
2. Abdul Aziz Mu'thi Arafah. 2001. *Min Balaghat an-Nazm al-Qura'ni (dirasah wa tahlil li masaail ilmi al-maa'ni)*. Kaherah: Penerbitan Universiti al-Azhar.
3. Abdul Hakim Abdullah. 2003. **Pengajaran Balaghah di peringkat STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA): Pelaksanaan dan permasalahannya**, Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. _____2008b. **Pengajaran Balaghah di peringkat STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)**, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Jilid 1, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
5. Abdul Hakim Abdullah etl 2016. **A Prolonged Dilemma: Traditional Curriculum of Arabic Rhetoric (Balaghah) in Malaysia**. The Social Sciences 11 (6) 1008-1014, 2016 ISSN 1818-5800 © Medwell Journals 2016.
6. Abdullah Tahmim. 1999. **Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi**, Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab – Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 33-41.
7. Ab. Rahim Hj. Ismail. 1999. *Taalim al-Balaghah al-Arabiyyah fi Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah*. Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab – Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 185-194.
8. Abd. Rahman Abd. Ali al-Hasyimi. 2005. *Tadris al-Balaghah al-Arabiyyah*. Cetakan pertama, Amman: Dar al- Massira.
9. Abdul Rahman Abdullah. (t.trh). *Mendalami Bahasa Arab (ilmu Balaghah)*. Pustaka Ilmi, Malaysia.
10. Abd al-Qahir al-Jurjaniy. 2002. *Dala'il al-I'jaz Fi al-Ilm al-Ma'ani*. Beirut: al-Maktabah al-asriyyah.
11. Ali Ahmad Madkur. 2010. *Turuq Tadris al-Lughoh al-Arabiyyah*. Amman: Dar al-Masira.
12. Almuslim Mustafa, Zamri Ariffin 2015. **Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab Di Malaysia**. Jurnal Islamiyyat 37 (1) 2015 : 49 -57.
13. Arthur Hughes. 2000. *Testing For Language Teachers*, Cambridge University Press, New York, USA.
14. A.S Baharum & Rosni Samah 2015, **Persepsi Pelajar Universiti Awam Terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi**, Jurnal Sains Humanika 35-41, Penerbit UTM Press.
15. Atif Fadhil Mohamad. 2015. *al-Balaghah al-Arabiyyah*, Darul Masirah Linnasyr wa a-Tauzi', Amman-Jordan.
16. Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi dan Sulaiman Shakib. 2006a. **Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab (Balaghah)**. Laporan Penyelidikan, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
17. Azhar Muhammad. 2006b. **Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia : satu kajian kes**, Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
18. Azhar Muhammad. 2007. **Menterjemah budaya retorika Melayu melalui pelaksanaan pengajaran ilmu Balaghah Arab dalam kalangan pelajar Melayu**, Kuala Lumpur: Koleksi Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (Ke-11 : 21-23 Nov 2007).
19. Azhar Muhammad. 2008. **Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia**, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
20. Azizi Ahmad, Mohd Isha Awang. 2008. **Pengukuran dan Penilaian Pendidikan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
21. Bachman. 1990. *Fundamental Consideration in Language Testing*. Oxford University Press, New York.
22. Bambang Sumintono 2017. **Rasch Model Measurement as Tools in Assessment for Learning**, prosiding International Conference on Education Innovation 2017, Universitas Negeri Surabaya.
23. Badri Najib Zubir (2002). *Balaghah as an Instrument of Quran Interpretation: A Study of al-Kassyaf*, International Islamic Universiti of Malaysia.
24. Bakri Syeikh Amin. 2001. *Al-Balaghah fi Thaubiha al-Jadid (Ilmu al-Bayan)*, Darul Ilmi al-Malaayin, Beirut-Lebanon.
25. Basyuni Abdul Fattah Fayyud. 1998a. *Ilmu al-Bayan: Dirasah Tahliliah li Masailil Bayan*. Cairo- Egypt: Muassasah al-Mokhtar.
26. Benjamin D.Wright and Mark H.Stone. 2004. *Making Measures*. Chicago: The Phaneron Press.
27. Chua Yan Piaw. 2011. **Kaedah Penyelidikan (Edisi Kedua)**. Malaysia: Mc Graw Hill.
28. David Nunan. 1992. *Research Methods in Language Learning*. USA: Cambridge University Press Education.
29. David R.Krathwohl. 2002. *A Revision of Bloom's Taxonomy An Overview*, College of Education, Ohio State University.
30. Deobold P.Van Dalen, Penterjemah: Abdul Fatah Abdul Malik, Muhd. Majid Konting. 1999. **Memahami Penyelidikan Pendidikan**. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
31. Fadhil Hasan Abbas. 2009. *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha (ilmu al-Bayan wa al-Badi)*. Jordan: Dar an-Nafais.
32. Fadhil Hasan Abbas. 2011. *al-Balaghah al-Mufara alaiha baina al-Asolah wa at-Tab'iah*. Jordan: Dar an-Nafais.
33. Faleh Saleh Hussin al-Jaburi. 2015. *Toro'iq Tadris al-Lughah al-Arabiyyah Fi Dhow'I Ma'ayir al-Jaudahas-Syamilah*, Dar al-Redhwan, Amman.
34. Fathi Farid. 1983. *Al-Hadaf Min Dirasah al-Balaghah*. Al-Azhar. Feb- Mac, hlmm 735-742.
35. Glenn Fulcher. 2010. *Practical Language Testing*, Hodder Education, UK.
36. Glenn Fulcher. 2003. *Testing Second Language Speaking* Pearson Longman, Great Britain.
37. Hamid Adam Thuwaini. 2007. *Al-Balaghah al-Arabiyyah : al-Mafhum wa al-Tatbiq*, Amman: Dar al-Manahej.
38. Hassan Basri Awang Mat Dahan. 2012. *Language Testing: The Construction and Validation*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
39. Hassan Shahatah. 1993. *Taalim al-Lughah al-Arabiyyah Baina an-Nazariyyat wa at-Tatbiq*. Kaherah: Dar al-Lubnaniyyah al-Mesriah.
40. H. Douglas Brown. 2010. Second Edition, *Language Assessment; Principles and Classroom Practices*, Pearson Education Longman, United States of America.
41. Idris Abdullah, Abdul Hakim Abdullah, Abdul Wahid Salleh, Zulazhan Abdul Halim. 2012. **Ilmu Balaghah dan Pembentukan Keupayaan Bahasa Arab**, Selangor: Pustaka Darul Bayan.
42. In'am Fawwal Akkawi. 1996. *Mu'jam Mufassal Fi Ulum al-Balaghah*. Darul Kutub al-Ilmiyyah, Lubnan.
43. Imran Jasim al-Jaburi, Hamzah Hashim al-Sultoni. 2013. *al-Manahij wa Toro'iq Tadris al-Lughoh al-Arabiyyah*. Dar al-Redhwan wa Muassasah Dar as-Sodiq , Amman.
44. Ismail Ibrahim. 1994. *Pengajian dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia*. Dlm Abdul Halim el-Muhammady (Pnyt). Pendidikan Islam dalam Pembangunan Ummah. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
45. Kamarul Syukri Mat The, Zulazhan Abdul Halim, Mohd Shahrizal Nasir, Nurazan Mohamad Rouyan. 2012. **Dinamika dalam Menelusuri Profesional Keguruan**, Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
46. Kamus Dewan Edisi Keempat 2009. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
47. Khairatul Akmar, Maimun Aqsha Lubis, Aisyah Sjahrony. 2015. **Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia**. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
48. Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2011. Edisi Kedua. **Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah**, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
49. Mohamad Sahari Nordin. 2005. **Pengujian dan Penaksiran di Bilik Darjah**, Research Centre, International Islamic University Malaysia.

Manuscript received 31 Mei 2020, revised 31 Mei 2020

Copyright © 2020 Tazkia University College of Islamic Economic. - All rights reserved

50. Mohsin Ali Atiyyah. 2006. *Al-Kafi fi Asaalib Tadris al-Lughoh al-Arabiyyah*, Amman-Jordan: Dar al-Syuruq.
51. Mohsin Ali Atiyyah. 2007. *Tadris al-Lughoh al-Arabiyyah Fii Dhow'I al-Kifayat al-Ada'iyah*. Amman-Jordan: Dar al-Manahej.
52. Mokhtar Ismail. 2009. **Pentaksiran Pendidikan (Edisi Kedua)**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
53. Noraini Idris, Shuki Osman. 2009. **Pengajaran dan Pembelajaran (Teori dan Praktis)**, Dlm Norasmah Othman, Shuki Osman, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Malaysia: McGraw Hill Education.
54. Raja Hazirah Raja Sulaiman. 2012. **Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT**. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
55. Ratib Qasim Asyur, Mohamad Fuad al-Hawamidah. 2009. *Funun al-Lughoh al-Arabiyyah wa Asaalib Tadrisiha*. Alimul Kutub al-Hadis, Irbid-Jordan.
56. Rosni Samah. 2009. **Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia**. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
57. Rusydi Tuaimah. 2004a. *Al-Usus al-Ammah Li Manahij Taalim al-Lughah al-Arabiah: I'daduha, Tatwiruha, Taqwimuha*. Cairo: Darul Fikril Arabi.
58. Rusydi Tuaimah. 2004b. *Al-Maharat al-Lughawiyah: Mustawayatuha, Tadrisuha, Su'ubatuha*. Cairo: Darul Fikril Arabi.
59. Samirra'i, Fadil Salih. 2001. **Balaghah al-Kalimah fi al-Ta'bir al-Qur'ani**. Amman: Dar Amman Linnasyr Wa at-Tawzi'.
60. Siti Rahayah Ariffin. 2003. **Teori, Konsep & Amalan Dalam Pengukuran dan Penilaian**, Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
61. Shuhaida Hanim Mohamad Suhane, Nurazan Mohmed Rouyan, Kamariah Yunus, Muzammir Anas, Raja Hazirah Raja Sulaiman. 2017. **Keperluan Pembinaan Model Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah peringkat Institut Pengajian Tinggi di Malaysia**. Dlm. Mohd Shahrizal etl. (pnyt) *Penataran Pendidikan Bahasa Arab di Peringkat Pengajian Tinggi*. Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
62. Shuhaida Hanim Mohamad Suhane, Nurazan Mohmed Rouyan, Kamariah Yunus, Suzana Sulaiman, Muzammir Anas, Raja Hazirah Raja Sulaiman. 2016. **Strategi Pengajaran Balaghah Arab: Satu Kajian Peringkat IPT**. Laporan Penyelidikan Universiti. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
63. Shuhaida Hanim Mohamad Suhane. 2010. *al-Itijahast Fi Dirasat an-Nazm al-Qurani inda ba'dhi A'laamil Balaghiyyin*, Tesis Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
64. Sulaiman, R. H. R., & Moden. J. P. B. 2011. **Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT**. Tesis PhD. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
65. Tim McNamara. 2000. **Language Testing**. New York: Oxford University Press.
66. Zulazhan Ab. Halim, Mohd Hazli Yah@Alias, Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Fauzi Abdul Hamid. 2014. **Bahasa Al-Quran Yang Tersurat dan Tersirat**. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
67. Zulazhan Ab. Halim. 2012. **Kebolehbacaan buku teks balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia di sekolah-sekolah menengah Agama Negeri**. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
68. Zulazhan Ab. Halim, Mohd Ala-uddin Othman, Mohd Hazli bin Yah@Alias, Shuhaida Hanim binti Mohamad Suhane, Abdul Wahid bin Salleh. 2013. **Kebolehbacaan Buku al-Balaghah al-Wadiah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Pantai Timur**. Laporan Penyelidikan. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
69. Zulkhairi. M. Abd. Hamid. 2012. **Rekabentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah**. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.

